

18/08/2000

Pemimpin asing kagum kemajuan Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Ramai pemimpin dunia dan pelawat asing yang melawat negara ini terpegun dengan pembangunan Malaysia dan cara negara ini ditadbir serta dibangunkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka turut tertarik kejayaan Malaysia memakmurkan kehidupan rakyat pelbagai kaum negara ini sehingga dapat hidup dalam keadaan aman.

Beliau berkata, pencapaian itu bukan sesuatu yang mudah kerana Malaysia mempunyai banyak masalah yang mungkin boleh menyekat atau menghancurkan segala usaha yang menentukan Malaysia terus aman dan maju.

"Ini lebih-lebih lagi memandangkan Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan pelbagai agama serta budaya berlainan. Biasanya dalam negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, biasa berlaku ketegangan hubungan bahkan, kerap kali rusuhan malahan peperangan kaum berlaku.

"Alhamdulillah, rakyat Malaysia bijak memilih sistem pentadbiran dan bijak mengawal nafsu mereka, sebaliknya mereka bersedia berkongsi segala-galanya.

"Malah, rakyat kita sendiri suka kedamaian dan keamanan. Semua ini menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan negara" katanya berucap merasmikan sambutan Bulan Kemerdekaan dan melancarkan kempen Jalur Gemilang di Dataran Merdeka di sini, petang ini.

Malah, acara itu yang dihadiri lebih 5,000 rakyat pelbagai kaum, dimeriahkan dengan penurunan Jalur Gemilang terbesar dari udara yang dibawa penerjun payung terjun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Penurunan bendera berukuran 3 kali 9.5 meter itu akan dicatatkan dalam Malaysia Book of Record.

Dr Mahathir berkata, apabila negara dilanda kegawatan ekonomi serta diserang penyangak mata wang, tiada rusuhan kaum berlaku di negera ini seperti di negara lain.

"Tidak banyak negara asing yang menghadapi masalah sama berjaya membangunkan negara mereka. Sebab itu, kita boleh berbangga dengan pencapaian kita," katanya.

Beliau berkata, dalam 43 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, Malaysia sudah membuktikan kebolehannya memerintah dan membangunkan negara dengan begitu pesat sehingga menjadi negara membangun termaju di dunia pada hari ini.

Pencapaian yang luar biasa itu, katanya, sehinggakan tempat seperti Kuala Lumpur yang pada 1957 mempunyai 300,000 penduduk kini mempunyai kira-kira dua juta penduduk serta menjadi sebuah bandar raya terkenal di seluruh dunia.

Katanya, nama negara serta Jalur Gemilang dikenali sehingga berjaya dipacakkan di Gunung Everest serta dibawa mengelilingi dunia menerusi pelayaran solo oleh Datuk Azhar Mansor.

"Jadi kita tidak lagi menjadi satu bangsa yang tidak dikenali. Tak ada lagi orang yang bertanya di mana Malaysia dan dari mana kamu datang. Hari ini semua orang tahu di mana Malaysia dan apakah pencapaian Malaysia," katanya.

Justeru, beliau berkata, semua rakyat harus bersyukur dan berterima kasih kepada mereka yang membangunkan negara selama ini termasuk kerajaan, swasta, tentera, polis dan rakyat negara ini.

(END)